

13/06/1998

Malaysia sudah usaha pujuk pelabur: PM

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Malaysia sudah melakukan pelbagai cara untuk memberi keyakinan kepada pengurus dana asing supaya datang melabur ke negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan juga ingin mengetahui daripada pengurus dana asing atau market forces itu, apa yang perlu dilakukan lagi bagi mendapat keyakinan mereka.

"Kita tidak tahu apa lagi yang dapat meyakinkan market forces ini, sedangkan dulu kita tidak buat apa-apa, mereka datang bukan main punya banyak," katanya dalam sidang akhbar sebelum berlepas ke Kuantan hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, John R Malott di Washington semalam bahawa Malaysia perlu memberi gambaran tepat kepada pengurus dana asing jika mahu menarik modal asing semula ke negara ini.

Menurut diplomat itu, kenyataan Kuala Lumpur bahawa pelabur asing mahu menakluk negara ini berikutan nilai ringgit susut dan kejatuhan saham hanya akan menjauhkan lagi pelabur asing dan tidak banyak membantu memulihkan keyakinan mereka.

Pelabur asing, kata Malott, masih berminat melabur di Malaysia tetapi mereka mengambil sikap tunggu dan lihat kerana walaupun tindak balas ekonomi makro kerajaan terhadap masalah ekonomi adalah baik, pelabur masih bimbang penggunaan dana awam untuk membantu syarikat tertentu.

Dr Mahathir berkata, dalam tempoh kegawatan ekonomi sekarang, usahawan tempatan perlu menggunakan dana yang banyak disediakan kerajaan untuk membantu mereka.

"Kalau projek yang mereka usahakan berdaya maju dan boleh mendatangkan keuntungan, saya yakin mereka boleh dapat pinjaman. Yang susah peniaga besar hendak meminjam banyak," katanya.

Menurutnya, Tabung Industri Kecil dan Sederhana kurang mendapat sambutan kerana sesetengah usahawan tidak tahu mengenai tabung itu walaupun kerajaan sudah beberapa kali membuat tambahan dana.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri meminta budaya memilih kerja di kalangan rakyat tempatan diubah kerana peluang pekerjaan masih ada tetapi ada yang tidak sanggup berpindah kerja.

Terdahulu, berucap di majlis perjumpaan dan jamuan tengah hari dengan ketua jabatan dan pemimpin masyarakat, Perdana Menteri berkata Malaysia perlu berhati-hati dalam menentukan soal kuasa pasaran bagi mengelak dikongkong kuasa itu.

Perdana Menteri berkata, walaupun kelompok itu cuba menafikannya, sudah ada negara yang terpaksa bertukar pemimpin kerana desakan kuasa pasaran.

"Market forces adalah nama baru bagi kapitalis Barat yang lebih besar daripada kapitalis zaman dahulu. Mereka ingin menguasai seluruh dunia tetapi menafikan hasrat itu melalui propaganda mereka," katanya.

Beliau berkata, dalam keghairahan rakyat memperkatakan perkara itu, mereka perlu tahu siapakah sebenarnya di belakang kuasa pasaran.

Menurutnya, 'kuasa pasaran' itu, apabila tidak lagi percaya kepada mana-mana kerajaan, akan menjatuhkan nilai mata wang negara berkenaan.

"Ini kerana mereka mempunyai wang cukup banyak iaitu bernilai berbilion sehingga trilion ringgit dan mereka boleh 'memainkan' sama ada menurun atau menaikkan nilainya sesuka hati.

"Saya bukan menentang kapitalis tetapi apabila melihat ke belakang sejarahnya, kelompok yang terdiri daripada peniaga bermodal besar

sememangnya suka menekan pekerja dengan begitu dahsyat," katanya.

Dr Mahathir berkata, kapitalis itu membawa teori baru perusahaan iaitu mesti bebas daripada kerajaan, tiada sekatan dan kerajaan tidak boleh menghalang orang yang mempunyai modal membuat sesuatu yang menguntungkan mereka.

"Jika usaha itu dihalang, kerajaan akan dilabel tidak demokratik," katanya sambil menambah, mereka ingin mengongkong seluruh dunia dengan menjadikannya seperti buah yang boleh dipetik pada bila-bila masa.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kelompok itu bukan sahaja mahu menguasai ekonomi sesebuah negara, malah mahu menguasai politik bagi menentukan siapa akan memimpin negara supaya mereka boleh dapat apa saja yang diminta.

(END)